

Dr Mahathir, Mahaleel persoal Proton jual MV Agusta RM4.50

BH - 4/1/2006

KUALA LUMPUR: Penasihat Proton Tun Dr Mahathir Mohamad dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat pengeluaran kereta nasional itu, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff semalam mempersoalkan rasional di sebalik penjualan MV Agusta Motors S.p.A oleh Proton dengan harga satu Euro (RM4.50).

Dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan di sini, mereka turut mengutarakan beberapa soalan berhubung penjualan yang diumumkan oleh Proton Holdings Bhd kepada Bursa Malaysia, minggu lalu.

Antara soalan ialah siapakah yang menawar untuk menjual atau membeli kepentingan itu pada harga satu euro, sama ada terdapat pembida lain dan adakah terdapat sebarang usaha agar pembeli membayar pada harga yang tinggi.

Soalan lain ialah adakah Proton hanya mendekati satu pembida saja dan jika pembida lain ditawarkan, adakah mereka menolaknya?

Mereka juga mahu tahu siapakah yang membuat keputusan untuk menjual dan penjelasan daripada Proton bagaimana dengan menjual sebuah entiti yang dibeli pada harga 70 juta Euro (RM315 juta) pada harga satu Euro tidak boleh menyebabkan Proton menanggung kerugian seperti mana yang didakwa.

Proton Holdings Bhd mengumumkan yang anak syarikat milik pe-



nuhnya Proton Capital Sdn Bhd menandatangani perjanjian dengan GEVI S.p.A., untuk menjual MV Agusta. Proton Capital mempunyai kepentingan bersama sebanyak 57.75 peratus dalam MV Agusta.

Dr Mahathir, bekas Perdana Menteri dan Tengku Mahaleel, yang tempoh perkhidmatannya dengan Proton tamat pada akhir September tahun lalu berkata, Proton perlu menjelaskan kepada pemegang saham dan orang ramai mengenai perkara itu.

Memandangkan kedua-dua mereka yang paling terbabit dalam pembelian itu, Dr Mahathir dan Tengku Mahaleel berkata kewibawaan dan kejujuran mereka dipersoalkan.

“Kami mahukan jawapan yang betul dan orang ramai juga mungkin mahu tahu memandangkan Proton ialah sebuah projek nasional**”**

Dr Mahathir Mohamad dan Mahaleel Tengku Ariff
Dalam kenyataan bersama



Dr Mahathir dan Tengku Mahaleel berasakan yang kerugian dialami oleh Proton berikutan penjualan itu sepatutnya RM315 juta, kurang RM4.50 (harga jualan).

Mereka berkata, Proton membeli MV Agusta dengan mengetahui sepenuhnya ia mempunyai hutang 230 juta euro, yang tidak perlu dibayar untuk tiga tahun.

Selain itu, MV Agusta mempunyai aset iaitu dua kilang (di Cassinetta dan Morazzone) dan stok motosikal.

“Syarikat automotif yang rugi seperti Rolls Royce, Bentley, Skoda, Lamborghini, Aston Martin dibeli oleh syarikat besar dan dapat dipulihkan semula.

“Tetapi harga mencerminkan aset dan jenama. Setakat yang kita tahu syarikat ini tidak dijual pada harga satu euro,” kata Dr Mahathir dan Tengku Mahaleel sambil memaklumkan yang empat jenama MV Agusta mempunyai nilai yang tinggi.

Mengenai keupayaan Proton untuk memulihkan semula MV Agusta, mereka berkata pembinaan kilang bernilai RM1.8 bilion di Tanjung Malim tanpa pinjaman dan suntikan modal dari kerajaan, dan masih ada baki tunai melebihi RM2 bilion menunjukkan Proton sebuah syarikat yang menguntungkan dan ia tahu mengenai pengurusan yang boleh membawa keuntungan. – Bernama